

27 AUG 1996

Skim-Ulasan

SKIM WAWASAN MENDAPAT SAMBUTAN DARIPADA AHLI-AHLI PERNIAGAAN

KUALA LUMPUR, 27 Ogos (Bernama) -- Skim Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020) yang akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok, telah menerima respon yang menggalakkan daripada dewan-dewan perniagaan dan komen yang baik daripada para penganalisa.

Datuk V.K.K. Teagarajan, Presiden Dewan Perniagaan Masyarakat India Malaysia berkata, beliau menyambut baik pelancaran skim unit amanah itu kerana dewan itu telah lama mencadangkan konsep itu.

"Akhirnya ia menjadi kenyataan dan saya berharap mereka yang menerima gaji akan mengambil kesempatan untuk melabur dalam skim itu dan dalam proses itu menggalakkan tabungan," kata beliau.

"Di samping itu, pulangan dividen pasti menguntungkan pelabur," dan pengalaman menunjukkan unit amanah yang diuruskan oleh Amanah Saham Nasional (ASN) sangat berjaya dengan dividen serta pulangan yang tinggi berbanding dengan unit amanah saham yang diusahakan oleh syarikat-syarikat amanah saham lain.

Teagarajan berkata, sejumlah 240 juta unit ataupun lapan peratus daripada tiga ribu juta unit saham akan ditawarkan kepada masyarakat India di negara ini dan beliau berharap jumlah itu akan dibeli sepenuhnya oleh masyarakat India.

Dengan peruntukan dana berjumlah RM3,000 juta, skim ASW 2020 terbuka kepada semua rakyat Malaysia pelbagai kaum dengan komposisi 51 peratus (RM1.53 ribu juta) untuk Bumiputera dan 49 peratus (RM1.47 ribu juta) untuk bukan Bumiputera.

Setiausaha kehormat Dewan Perniagaan dan Perindustrian Bersatu Cina, Datuk Soong Siew Hoong berkata ASW 2020 merupakan wawasan jangka panjang dengan objektif akhir menyatupadukan negara.

"Ia akan merangsang rakyat Malaysia daripada pelbagai kaum, agama dan budaya ke arah objektif yang sama dan pasti membawa banyak kebaikan kepada negara," kata beliau.

Beliau berkata, dewan itu menyokong penuh amanah saham itu dan akan membantu kerajaan sejauh mana yang boleh bagi mencapai matlamatnya.

Persatuan Pelabur Malaysia berpendapat ASW 2020 sebagai konsep baik kerana ia menggalakkan muda-mudi yang kebanyakannya banyak berbelanja untuk menabung wang mereka.

Presidennya, Dr P.H.S Lim berkata, di sebalik menaikkan kadar faedah yang buat masa ini sudah tinggi, simpanan seperti itu akan menyerap kecairan berlebihan dalam sistem kewangan dan ia juga akan menambah sedikit lagi kecairan dalam pasaran saham.

Beliau berkata, amanah saham itu akan menerima respon baik kerana ia membenarkan muda-mudi di negara ini untuk melabur.

Seorang pengarah urusan sebuah syarikat pengurusan amanah saham yang tidak mahu namanya disiarkan, juga berpendapat sama dengan Lim dan berkata, ASW 2020 merupakan permulaan bagi pelabur-pelabur muda menyertai skim yang lebih besar di masa depan.

"Ini merupakan sebahagian daripada program pendidikan tabungan bagi muda-mudi," kata beliau dengan menyatakan keyakinannya yang unit-unit saham yang diperuntukan bagi Bumiputera dan bukan Bumiputera akan habis dibeli dalam tempoh sebulan. -- BERNAMA

Team PR